



## **Dr M, isteri dirai pada jamuan hari jadi**

*Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam tadi diraikan pada majlis hari jadi yang meriah. Lebih 1,000 hadirin termasuk bekas Presiden MCA, Tun Dr Ling Liong Sik; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos hadir pada majlis itu*

*yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Dr Mahathir meraikan hari lahir ke-80 manakala Dr Siti Hasmah ke-79. Pada majlis itu, Dr Mahathir turut didendangkan dengan sebuah lagu 'Colours Of A Million Memories' yang dicipta khas oleh penggubah, Datuk Wah Idris sempena hari jadi beliau. - Bernama*